


**on 27 June 2014**

## **158 kakitangan UNIMAS terima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, Khidmat Bakti**



KOTA SAMARAHAN: Se-ramai 158 kakitangan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Khidmat Bakti pada Majlis Anugerah Gemilang UNIMAS (MAGU) 2014.

Majlis itu disempurnakan oleh Menteri Perumahan dan Menteri Pelancongan Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg di Dewan DeTAR PUTRA UNIMAS di sini semalam.

Selain itu, 26 kakitangan UNIMAS menerima Anugerah Perkhidmatan Setia sebagai pengiktirafan setia dengan UNIMAS secara berterusan selama 15 tahun.

Pada masa sama, pencapaian menyerlah dalam bidang pengajaran, penyelidikan, pentadbiran serta aspek inovasi turut diberikan.

Secara keseluruhan 17 kategori anugerah disampaikan termasuk Anugerah Ahli Akademik Harapan, Anugerah Inovasi/Pengkomersilan UNIMAS, Anugerah Kecemerlangan Sukan (lelaki dan wanita), Anugerah Galakan Sukan, Anugerah Kepimpinan Pengurusan dan Profesional, Anugerah Staf Harapan Pengurusan dan Profesional dan Anugerah Staf Harapan Pelaksana.

MAGU 2014 menyaksikan Dr Jeniri Amir (Fakulti Sains Sosial) menerima Anugerah Penerbitan Buku UNIMAS manakala Anugerah Inovasi/Pengkomersilan Produk UNIMAS pula dimenangi Mohd Razali Othman.

Sementara itu, Anugerah Penerbitan Makalah Jurnal kategori Bidang Sains dimenangi Profesor Dr Balbir Singh Mohan Singh manakala kategori Bidang Sains Sosial/Sastera dimenangi Dr Evan Lau Poh Hock.

Naib Canselor UNIMAS Profesor Datuk Dr Mohamad Kadim Suaidi dalam ucapannya berharap kesemua penerima anugerah MAGU 2014 dapat meneruskan kecemerlangan mereka untuk UNIMAS.

"Usaha dan dedikasi berterusan seperti yang ditunjukkan oleh saudara-saudari adalah amat penting bagi kita untuk mencapai misi dan visi UNIMAS dalam hasrat kita untuk menjadi IPTA ulung dan dihormati di rantau ini," ujarnya.

Sumber: The Borneo Post Online